

16 OCT 2003

OIC-Deklarasi/I

FORUM PERNIAGAAN OIC BERAKHIR DENGAN DEKLARASI 11 PERKARA

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Forum Perniagaan OIC selama dua hari yang pertama kali diadakan berakhir hari ini dengan para anggota delegasi mencadangkan forum seumpama itu diadakan setiap tahun bagi meningkatkan lagi kerjasama perniagaan di kalangan negara anggota OIC.

Satu deklarası yang dirangka dan diserahkan pada akhir forum itu telah bersetuju bahawa Forum Perniagaan berkenaan diinstitusikan sebagai sebahagian daripada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam pada masa akan datang dengan wakil delegasi menyampaikan rumusannya kepada Sidang Kemuncak itu.

"Kami menggesa semua sidang kemuncak OIC untuk memasukkan isu-isu berkaitan perdagangan dan perniagaan dalam agenda rasminya. Kemakmuran OIC akan menggalakkan muhibbah di kalangan anggotanya," demikian menurut deklarası itu.

Forum Perniagaan itu mengeluarkan deklarası mengandungi 11 perkara, yang dirangka dan disampaikan oleh enam anggota jawatankuasa pada akhir forum itu dan bakal dimasukkan sebagai sebahagian daripada dokumen rasmi Sidang Kemuncak Ketua Negara dan Kerajaan OIC yang berlangsung di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), di sini.

Dalam deklarası itu, delegasi bersetuju bahawa Forum Perniagaan OIC akan menjadi wadah bagi merangsang perkongsian pintar di kalangan komuniti perniagaan negara anggota dan mempermudah perdagangan, pelaburan serta pertukaran tenaga manusia.

Pengenalan Perkongsian Perniagaan Dua Hala akan membantu meningkatkan kerjasama dan keamanan di kalangan negara-negara Islam. Forum itu menggesa semua negara tuan rumah di masa depan menganjurkan Forum Perniagaan yang sama sebagai satu cara menggalakkan keamanan, kerjasama dan peluang.

"Kami menggesa Sidang Kemuncak ke-10 membentuk "kumpulan pakar" dengan segera yang akan mengesyorkan modus operandi bagi melaksanakan secara sistematik Program Kerjasama Sub Serantau dan melaporkan perkembangannya kepada Sidang Kemuncak OIC ke-11," menurut deklarası itu.

Pertubuhan ekonomi negara-negara OIC diminta menggalakkan dengan lebih efektif Kerjasama Ekonomi dan Komersial Islam termasuk prospek memajukan kerjasama serantau berstruktur yang membawa kepada penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Islam (IFTA), diikuti Pasaran Sama Rata Islam (ICM).

Deklarası itu menggesa kerajaan negara anggota OIC supaya melibatkan secara proaktif komuniti perniagaan mereka sebagai rakan kongsi dalam pembangunan dan menyokong inisiatif sektor swasta mereka.

"Kami menggesa pembangunan dasar penggalakan pelaburan yang bersesuaian dengan keutamaan kebangsaan negara anggota OIC termasuk perkongsian dan pemindahan teknologi, pembangunan prasarana, pengwujudan peluang pekerjaan dan kepelbagaian eksport serta pasaran," menurut deklarası itu.

Kerajaan dan sektor swasta negara anggota OIC digesa mempercepatkan penggunaan dagangan elektronik untuk memudahkan hubungan perdagangan dan pelaburan.

Dari segi ekonomi, negara yang berkembang maju dijangka menekankan kepada keamanan dan kestabilan kerana OIC yakin perniagaan berkembang baik dalam suasana yang aman dan stabil, menurut deklarası itu.

Sementara itu, pengerusi jawatankuasa penganjuran Forum Perniagaan OIC untuk tempoh tiga tahun akan datang, Datuk Michael Yeoh berkata Malaysia akan sekali lagi memainkan peranan sebagai hos kepada Forum Perniagaan di masa depan.

"Kami akan mengumpulkan maklum balas dari negara anggota OIC untuk mengenalpasti isu-isu baru berkaitan negara anggota dan dibincangkan pada forum masa depan," katanya sambil menjelaskan bahawa forum yang baru berakhir itu turut mencapai kejayaan hasil buah fikiran daripada ketua-ketua negara termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

WNZ KTC ZK RON